

KENYATAAN MEDIA  
27 JULAI 2023

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **Syarikat Didenda RM20,000.00 atas Kesalahan Curi Elektrik bagi Kegunaan Mesin *Bitcoin***

**Putrajaya, 27 Julai 2023** – Mahkamah Sesyen Petaling Jaya pada 24 Julai 2023 yang lalu telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM20,000.00 ke atas syarikat Mega Auto Energy Industries Sdn. Bhd. atas pertuduhan dengan curang menghalang meter elektrik daripada merekodkan dengan sempurna penggunaan elektrik.

Syarikat tersebut dituduh di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] yang membawa hukuman denda tidak kurang daripada RM20,000.00 dan tidak melebihi RM1,000,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya.

Hakim Mahkamah Sesyen, Faiz Dziyauddin, telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM20,000.00 dan sekiranya gagal dibayar, akan dikenakan empat (4) bulan penjara. Pengarah syarikat tersebut telah mengaku salah terhadap pertuduhan yang dibacakan dan telah membayar denda yang dikenakan. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Tenaga (ST), Nor Shahkierra Abd Manan manakala syarikat tertuduh tidak diwakili peguam.

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Sebagai badan kawal selia sektor tenaga negara, ST sentiasa komited melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang pembekalan tenaga. ST berharap kes ini dapat dijadikan pengajaran kepada semua pihak agar tidak terlibat dengan kegiatan mencuri elektrik.

ST juga memandang serius ke atas perkara ini kerana aktiviti seperti ini mampu memberi kesan bukan sahaja kepada industri tenaga negara dari segi nilai, bahkan terhadap kestabilan sistem bekalan elektrik dan keselamatan awam. Sehubungan itu, ST sentiasa mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk memaklumkan berkenaan sebarang aktiviti curi elektrik melalui penyambungan haram ke sistem eAduan ST yang boleh dicapai melalui laman web [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my).

**\*\*\*TAMAT\*\*\***

***Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:***

*Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana)/011 28866271 (Hazwani)/018 3822545 (Harith)*

*Emel: [veliana@st.gov.my](mailto:veliana@st.gov.my)/[noorhazwani@st.gov.my](mailto:noorhazwani@st.gov.my)/[harith@st.gov.my](mailto:harith@st.gov.my)*

---

**MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.